




Bahagian A

3.1 Kekayaan hasil Bumi di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

1 Gambar berikut berkaitan kaedah melombong bijih timah.

Buku
Teks
m.s. 58



Apakah kaedah tersebut?

- A Kaedah melampan
- B Kaedah mendulang
- C Kaedah kapal korek
- D Kaedah lombong dedah

Aras S Mengingat

2 Bagaimanakah tindakan Aceh untuk menguasai kekayaan dan kemakmuran Perak pada abad ke-16 dan ke-17?

Buku
Teks
m.s. 59

- A Mengiktiraf sebagai negeri naungan
- B Menghalang kemasukan pelabur asing
- C Mendapatkan bantuan daripada Portugis
- D Menandatangani perjanjian dengan Belanda

Aras S Menganalisis

3 Bagaimanakah Long Jaafar memajukan perlombongan bijih timah kawasan berikut?

Buku
Teks
m.s. 60

- Klian Pauh
- Klian Baru

- A Mendirikan petempatan di situ
- B Memberi pajakan yang rendah
- C Membawa masuk pelombong Cina
- D Membina jalan keretapi ke pelabuhan

Aras S Menganalisis

4 Sultan Abdul Samad, Selangor telah mengembangkan kawasan berikut di daerah Langat.

Buku
Teks
m.s. 61

Jugra

Apakah kepentingan kawasan tersebut?

- A Laluan perairan ke pelabuhan
- B Tempat pengumpulan hasil bumi
- C Pusat pengutipan cukai bijih timah
- D Pangkalan mengangkut hasil dagangan

Aras S Menganalisis

5 Apakah persamaan lokasi berikut di Pahang?

Buku
Teks
m.s. 63

- Sungai Jelai
- Sungai Semantan
- Sungai Tembeling

- A Kawasan perlombongan emas
- B Kawasan pengeluaran kayu balak
- C Kawasan perlombongan bijih timah
- D Kawasan perdagangan antarabangsa

Aras S Menganalisis

3.2 Peluasan Kuasa British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

6 Apakah strategi yang digunakan British untuk menguasai negeri-negeri Melayu berikut?

Buku
Teks
m.s. 64

- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan

- A Pajakan
- B Tipu helah
- C Manipulasi
- D Serangan fizikal

Aras R Menganalisis

7 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan di Perak.

Buku Teks
m.s. 64

Tarikh	Peristiwa
1861 – 1874	Tengku Ngah Ibrahim membawa masuk pelombong Cina

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Perak?

- A Perang Larut tercetus
- B Kuasa British bertambah
- C Kaum imigran bertambah
- D Pembesar Melayu terancam

Aras 1 Menganalisis

8 Pilih urutan yang **tepat** berkaitan dengan pengamalan sistem penggilirian dalam pewarisan takhta Kesultanan Perak.

Buku Teks
m.s. 65

- A Raja Di Hilir → Raja Bendahara → Raja Muda
- B Raja Muda → Raja Bendahara → Raja Di Hilir
- C Raja Muda → Raja Di Hilir → Raja Bendahara
- D Raja Bendahara → Raja Muda → Raja Di Hilir

Aras 1 Menganalisis

9 Mengapakah Raja Abdullah di Perak tidak ditabalkan sebagai sultan selepas kemangkatan Sultan Ali?


Buku Teks
m.s. 65

- A Tidak mempunyai kelayakan
- B Tidak hadir ke majlis pemakaman
- C Tidak berminat sebagai pemerintah
- D Tidak mendapat sokongan pembesar

Aras R Memahami

10 Gambar berikut berkaitan dengan Gedung Raja Abdullah di Lembah Klang.

Buku Teks
m.s. 66



Gedung Raja Abdullah

Apakah fungsi bangunan tersebut?

- A Pusat pembayaran cukai
- B Benteng pertahanan utama
- C Pusat pengumpulan bijih timah
- D Institusi penyelidikan perubatan

Aras R Mengingat

11 Mengapakah Sungai Linggi menjadi rebutan antara pembesar-pembesar Melayu di Negeri Sembilan?

Buku Teks
m.s. 68

- A Menguasai perlombongan bijih timah
- B Menjadi laluan perdagangan utama
- C Menubuhkan pelabuhan kerajaan
- D Mengawal pungutan cukai

Aras 5 Memahami

12 Apakah alasan yang digunakan British untuk mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan mereka?

Buku Teks
m.s. 68

- I Serangan rumah api
- II Rompakan kapal dagang
- III Perbalahan antara pembesar
- IV Kelemahan pentadbiran negeri
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras 1 Menganalisis

13 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British untuk meluaskan kuasa di Pahang.

Buku Teks
m.s. 69

Tahun	Peristiwa
1887	British mendapatkan bantuan Sultan Abu Bakar di Johor
1888	X

Apakah peristiwa X?

- A Pertelingkahan kerabat diraja
- B Kematian di perkarangan istana
- C Rompakan kapal dagang British
- D Serangan rumah api

Aras R Mengingat

14 Maklumat berikut berkaitan dengan syarat perjanjian antara British dengan Negeri-negeri Melayu.

Buku Teks
m.s. 71

- British menempatkan seorang wakil yang mempunyai kuasa
- British bertanggungjawab menjaga keamanan
- Sebarang perjanjian dengan kuasa asing tidak dibenarkan tanpa kebenaran British

Apakah perjanjian tersebut?

- A Perjanjian Pangkor 1874
- B Perjanjian British-Sungai Ujong 1874
- C Perjanjian British-Selangor 1875
- D Perjanjian British-Pahang 1887

Aras 5 Mengingat

15 Bagaimanakah tindakan British mengikat persetujuan pemerintah tempatan menerima pengaruh mereka?



- A Memberi elaun tambahan
- B Menandatangani perjanjian
- C Mengurangkan kuasa sultan
- D Menggugut dilucutkan jawatan

Aras 3 Mengaplikasi

16 Senarai berikut adalah tokoh British yang dihantar ke Negeri-negeri Melayu.



- J. W. W. Birch
- J. G. Davidson
- J. P. Rodger

Apakah persamaan sumbangan tersebut terhadap Negeri-negeri Melayu?

- A Membawa masuk benih getah
- B Membuka bandar baru
- C Menjadi Residen British
- D Menubuhkan pusat pendidikan

Aras 5 Mengaplikasi

17 Pilih jabatan-jabatan yang telah diperkenalkan semasa pemerintahan British.



- A Jabatan Pendidikan dan Jabatan Cukai
- B Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan
- C Jabatan Kehakiman dan Jabatan Kesihatan
- D Jabatan Tanah dan Ukur serta Jabatan Cukai

Aras 1 Menganalisis

3.3 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

18 Mengapakah bangunan Sultan Abdul Samad dibina dari tahun 1894 hingga 1897?



- A Pejabat tanah Negeri-negeri Selat
- B Pejabat kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- C Tempat mesyuarat antara wakil British dengan sultan
- D Pusat pengumpulan bahan mentah

Aras 5 Memahami

19 Maklumat berikut berkaitan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)



Negeri-negeri Melayu Bersekutu dibentuk untuk memenuhi kepentingan British.

Apakah kepentingan penubuhan NNMB terhadap British?

- A Penubuhan kerajaan pusat
- B Pengenalan sistem percukaian
- C Pengembalian kuasa pembesar
- D Pentadbiran dapat diseragamkan

Aras 1 Menganalisis

3.4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

20 Antara berikut yang manakah ahli Durbar?



- | | |
|--------------------|----------------------|
| I Ratu England | III Raja-raja Melayu |
| II Residen British | IV Pembesar Melayu |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

Aras 5 Mengingat